

KIT BANTOW : SOLUSI LANGKAH PERTAMA PASCA PERCERAIAN

**Marziana Abd Malib^a, Noormala Rabu^b, Maymunah Ismail^c, Mohd Khairul Nizam
Mohd Aziz^d, Mohamad Shafiee Ayub^e, Khalilah Ibrahim^{f*}**

^aJabatan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, Melaka, Malaysia.

marziana@uitm.edu.my

^bAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Alor Gajah, Melaka, Malaysia.
sufmala@uitm.edu.my

^cFakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Kampus Alor Gajah, Melaka, Malaysia.
maymu791@uitm.edu.my

^dAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Alor Gajah, Melaka, Malaysia.
nizam_aziz@uitm.edu.my

^eAkademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Alor Gajah, Melaka, Malaysia.
shafieeayub@uitm.edu.my

^fFakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Kampus Bandaraya Melaka, Melaka, Malaysia.
khalilah375@uitm.edu.my

**Corresponding Author*

Article info

Received:
19/10/2022

Received in revised form:
01/11/2022

Accepted:
02/11/2022

Available online:
05/11/2022

Keywords:
Hak Wanita;
Pasca perceraian;
Garis panduan;

Abstrak

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 2020, jumlah ibu tunggal di Malaysia direkodkan hampir mencecah 1 juta orang. Ibu tunggal ini berhadapan dengan cabaran seperti ketidakstabilan ekonomi, urusan tuntutan hak selepas perceraian dan stigma masyarakat. Kesan perceraian ini menggugat kesejahteraan hidup wanita dan anak yang membesar tanpa ayah yang turut menyebabkan tekanan emosi. Masalah utama yang dihadapi adalah kekeliruan dalam mengambil langkah awal selepas berlakunya perceraian. Kebanyakan ibu tunggal tidak jelas kepada siapakah mereka mahu mengadu dan organisasi manakah yang patut dirujuk untuk menyelesaikan urusan berkaitan tuntutan hak mereka dan meneruskan kelangsungan hidup pasca perceraian. Ini adalah kerana, tidak terdapat satu panduan seperti senarai semak sebagai rujukan yang menyeluruh untuk membantu para ibu tunggal ini. Malah kebiasaannya, Jabatan Agama Islam lebih memfokuskan kepada perbincangan isu pembahagian harta dan hak selepas perceraian secara umum sahaja. Malah ketiadaan rujukan dalam bentuk senarai semak sebagai panduan dan langkah awal yang membimbing para ibu tunggal, menyukarkan mereka menguruskan tuntutan dan kehidupan selepas perceraian. Oleh itu kajian ini membina satu kit yang dinamakan Kit BanTow yang bermaksud "Bantu anak tolol wanita". Kit ini mengandungi senarai semak hak-hak yang boleh dituntut oleh ibu tunggal dan senarai organisasi-organisasi penting berkaitan yang dilengkapi dengan QR Code supaya rujukan terus boleh dibuat. Objektif kit ini adalah pemudah cara dalam membantu dan membimbing wanita memulakan tuntutan selepas perceraian. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan perbincangan kumpulan berfokus dan temubual separa berstruktur dengan pihak-pihak di organisasi yang berkaitan secara langsung dalam hal ehwal hak-hak wanita selepas perceraian. Manakala pemilihan informan adalah berdasarkan pensampelan bertujuan iaitu di kalangan ibu tunggal dengan kaedah temubual separa berstruktur. Keistimewaan Kit Ban Tow ini selain memudahkan ibu tunggal

merujuk dalam mengambil tindakan awal, ia turut membantu Jabatan Agama Islam, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan para kaunselor dalam menyampaikan informasi dan membimbang para ibu tunggal. Ia bermanfaat membantu ibu tunggal memulakan langkah awal sebagai rujukan pasca perceraian dan ia turut memberi sinar harapan kepada ibu tunggal kerana ia dilengkapi dengan hak-hak yang boleh dituntut dan mengandungi maklumat organisasi berkaitan dalam meneruskan kelangsungan kehidupan pasca perceraian.

KIT BANTOW : FIRST STEP SOLUTION AFTER DIVORCE

Abstract

According to the Department of Statistics Malaysia 2020 report, the number of single mothers in Malaysia was recorded to almost reach 1 million people. This single mother is faced with challenges such as economic instability, rights claim after divorce and societal stigma. The effect of divorce threatens the well-being of women and children who grow up without a father, which also causes depression and emotional stress. The main problem faced is the confusion in taking the initial steps after the divorce. Most single mothers are not clear to whom they want to complain, and which organization should be consulted to resolve matters related to their rights claims. This is because, there is no guide like a checklist as a comprehensive reference to help these single mothers. In fact, usually, the Department of Islamic Religion focuses more on discussing the issue of property division and rights after divorce in general. In fact, the absence of reference in the form of a checklist as a guide and initial step that guides single mothers, makes it difficult for them to manage claims and life after divorce. Therefore, this study built a kit called Kit Ban Tow which means "Help children help women". This kit contains a checklist of rights that can be claimed by single mothers and a list of relevant organizations equipped with a QR Code so that direct reference can be made. The objective of this kit is to facilitate in helping and guiding women to initiate claims and manage life after divorce. The data collection method used is a qualitative approach by applying focus group discussions and semi-structured interviews with parties in organizations directly related to women's rights after divorce. While the selection of informants is based on purposive sampling among single mothers with a semi-structured interview method. The specialty of this Kit Ban Tow, in addition to making it easier for single mothers to refer in taking early action, it also helps the Department of Islamic Religion, the Department of Social Welfare and counselors in conveying information and guiding single mothers. In conclusion, this checklist kit is useful to help single mothers start the initial steps as a reference after divorce and it also gives a ray of hope to single mothers because not only do, they know what their rights are but also know the relevant organizations in continuing to survive post-divorce.

Keywords: Women's rights; post-divorce; guidelines;

PENGENALAN

Tidak semua perkahwinan kekal hingga ke akhir hayat, adakalanya terputus di tengah jalan. Episod yang lebih menyediakan perpisahan berlaku ketika anak-anak masih kecil dan ini pasti memberikan impak yang amat terkesan dalam diri ibu tunggal dan secara tidak langsung menyebabkan emosi ibu tunggal dan anak-anak terganggu. Pertukaran status kepada ibu tunggal mungkin membawa kepada trauma dan kemurungan yang berpanjangan sehingga hilang keyakinan diri untuk bergaul dengan masyarakat. Ini boleh menjadi punca ibu tunggal buntu sehingga keliru apakah tindakan yang perlu mereka lakukan untuk menuntut hak-hak mereka pasca perceraian. Mereka juga tidak pasti kepada siapa dan organisasi mana yang perlu dirujuk untuk mendapatkan pembelaan serta bantuan pasca perceraian. Oleh demikian perlu ada satu garis panduan mudah dan menyeluruh disediakan bagi membantu dan membimbang ibu tunggal ini dalam mengambil langkah awal menuntut hak mereka dan menguruskan kehidupan pasca perceraian. Pengkaji mendapati, sukar untuk menemui satu garis panduan atau bimbingan sebagai rujukan atau senarai semak secara menyeluruh dan mudah untuk membantu para wanita pasca perceraian sama ada hidup atau mati dalam usaha memulakan tindakan menuntut hak-hak mereka. Tidak dinafikan bukan semua ibu tunggal mempunyai pendidikan yang tinggi dan berpengetahuan dalam menguruskan tuntutan mereka yang pelbagai. Malah yang berpendidikan tinggi juga, ada yang masih keliru dengan hak-hak yang mereka boleh tuntut kerana tuntutan-tuntutan adalah

pelbagai dan organisasi juga turut pelbagai. Sememangnya keadaan ini menimbulkan kekeliruan dan menyebabkan ibu tunggal buntu untuk bertindak dalam menuntut hak mereka. Ini memberi implikasi negatif di mana banyak hak yang akhirnya tidak dituntut kerana mereka tidak pasti hak-hak yang mereka boleh tuntut dan tidak jelas kepada siapa dan organisasi mana mereka perlu rujuk. Adakalanya kekeliruan dan kelewatan bertindak menuntut hak ini, membuka ruang kepada bekas suami atau keluarga bekas suami membuli mereka dan ada sesetengah ibu tunggal hilang hak tanpa disedari, mengalami gangguan emosi dan masalah kesihatan yang lain. Keadaan yang sukar ini perlu dibantu dengan kaedah yang memudahkan bagi membantu golongan ibu tunggal membuat tindakan awal pasca perceraian. Oleh itu pengkaji berpendapat satu garis panduan seperti kit yang boleh memberi gambaran menyeluruh kepada ibu tunggal perlu disediakan bagi memanfaatkan para ibu tunggal dalam mengambil langkah awal pasca perceraian, sama ada cerai hidup atau mati. Objektif kajian ini adalah untuk membantu menyediakan garis panduan yang jelas dan menyeluruh sebagai rujukan dan senarai semak kepada wanita pasca perceraian. Kedua, menyediakan kit yang informatif dan kreatif sebagai rujukan dan pemudah cara kepada wanita dalam mengatur langkah awal dan bertindak selepas berlaku perceraian.

KAJIAN LITERATUR

Pendedahan dan kesedaran berkaitan hak-hak yang boleh dituntut oleh ibu tunggal adalah amat penting untuk mereka meneruskan kehidupan mereka pasca perceraian. Merujuk Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berdasarkan kepada laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2020 sahaja (Banci Malaysia 2020) jumlah statistik ibu tunggal di negara ini direkodkan hampir mencencah 1 juta orang. Ia bukan sedikit dan kebanyakannya ibu tunggal didapati tidak jelas apakah hak-hak yang mereka boleh tuntut dan organisasi manakah yang perlu mereka rujuk dalam menguruskan pelbagai tuntutan tersebut. Ini kerana hak yang perlu dituntut oleh ibu tunggal adalah pelbagai, begitu juga organisasi yang hendak dirujuk. Ini menyebabkan tidak semua ibu tunggal jelas dengan pelbagai hak-hak dan organisasi kerana tidak semua ibu tunggal berpengetahuan dan datang dari keluarga yang berlatar belakangkan pendidikan yang tinggi untuk mengetahui secara menyeluruh berkaitan tuntutan hak ini. Ianya turut disebabkan oleh faktor perundungan yang tidak mudah difahami dan mereka juga tidak menjangkakan sejauh mana bidang kuasa organisasi-organisasi yang perlu dirujuk secara tepat dan apakah organisasi-organisasi yang ada menawarkan dan menyediakan sokongan sosial, emosi dan ekonomi kepada golongan ibu tunggal.

DILEMA DAN KESUKARAN WANITA BERCERAI DALAM MEMULAKAN LANGKAH MENUNTUT HAK MEREKA.

Wanita yang bercerai, tidak kurang yang menghadapi masalah menuntut hak-hak mereka termasuk dalam berurusan dengan Mahkamah Syariah. Mereka mengakui terdapat situasi mereka dipersendakan, tidak dilayan dengan adil, terpaksa berulang-alik ke Mahkamah untuk menyelesaikan kes dan seumpamanya. Manakala pihak Mahkamah pula mendakwa wanita-wanita ini tidak memahami undang-undang serta prosedur mahkamah serta tidak pasti dengan hak mereka. Majoriti dari mereka ini menghadapi masalah dengan bekas suami yang enggan bekerjasama terutamanya dalam hal memberi nafkah untuk anak-anak yang sepatutnya merupakan tanggungjawab mereka. Menurut Hajah Siti Fatimah binti Abdul Rahman (2000) dalam penulisannya di IKIM, kesukaran yang dialami oleh golongan ibu tunggal ini mendapat simpati dari berbagai pihak, baik pihak kerajaan, mahupun swasta. Keadaan ini membuatkan pelbagai pihak telah memberi berbagai tawaran khidmat bantuan, baik dari segi kewangan mahupun sosial bagi meringankan beban yang ditanggung oleh golongan ibu tunggal dan keluarga mereka. Bantuan kewangan berbentuk wang atau barang secara bulanan untuk memenuhi keperluan keluarga tersebut. Ia mungkin juga dalam bentuk modal bagi memulakan sesuatu perniagaan. Sebagai contoh, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) membantu ramai ibu tunggal dari keluarga miskin dengan meminjamkan wang untuk dijadikan modal asas perniagaan. Malah bantuan sosial juga berlaku dalam berbagai bentuk. Satu daripadanya ialah perkongsian pengetahuan, latihan dan kemahiran bagi membolehkan ibu tunggal memulakan perniagaan mereka dan berdikari. Kemahiran kerja tangan, memasak, mengubah dan mengandam pula boleh dijadikan aset untuk mereka memulakan perniagaan. Bagi mengatasi masalah penjagaan anak bila ibu keluar bekerja, ibu tunggal boleh diberi pendedahan,

pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan komputer didedahkan agar mereka boleh memulakan perniagaan atau bekerja sendiri dengan konsep *Small Office Home Office (SOHO)*. Konsep perniagaan yang semakin terkenal ini membolehkan wanita mengendalikan perniagaan dari rumah dengan memberikan khidmat seperti menaip, penyajian makanan, mengedar kuih-muih dan seumpamanya.

Bantuan sosial ini turut disediakan dengan pendedahan dan kesedaran undang-undang demi mendapatkan hak mereka terutamanya dalam kes perceraian yang tertangguh atau untuk mendapatkan nafkah anak. Selain itu, kemahiran keibubapaan dan sokongan moral juga diberi untuk menguatkan semangat mereka menghadapi segala cabaran yang mendatang. Tidak dinafikan sejak tahun 2000 lagi, kesedaran untuk membantu ibu tunggal ini telah diketengahkan dalam pelbagai bentuk sokongan. Namun hakikatnya, kewujudan bentuk bantuan yang diberi kepada ibu tunggal ini tidak tersebar secara meluas dan tidak sampai kepada kebanyakan ibu tunggal. Mereka tidak jelas secara keseluruhan hak-hak yang mereka boleh tuntut dan organisasi mana yang terlibat dalam menghulurkan bantuan kepada golongan ibu tunggal. Malah sekalipun menurut Nor Idayu Bosro (2020), kesedaran wanita terhadap hak yang perlu dituntut terdapat peningkatan berbanding sebelum ini kesan daripada perkongsian pelbagai agensi terhadap maklumat dan program kesedaran undang-undang. Namun tidak semua ibu tunggal jelas tentang hak-hak mereka. Ini kerana tidak ramai ibu tunggal yang berpeluang menghadiri program kesedaran yang dianjurkan. Apatah lagi jika mereka dari desa dan tidak berpendidikan tinggi. Sebagai contoh, di Terengganu Pihak Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu membantu golongan ibu tunggal untuk mendapat bimbingan perundangan yang dikenali sebagai Program Bimbingan Perundangan Ibu Tunggal. PYPKT menyediakan beberapa modul untuk memberikan kefahaman kepada ibu tunggal yang menghadiri kursus tentang hak dan langkah yang perlu diambil untuk membawa tuntutan ke mahkamah.

Namun persoalannya tidak semua negeri mempunyai program seumpama ini dan hanya segelintir ibu tunggal yang menghadiri kursus memperolehi maklumat berkaitan. Didapati masih ramai ibu tunggal yang tidak berpeluang mendapat pengetahuan yang seumpama ini. Ia menyebabkan segala usaha baik yang telah diusahakan untuk membantu ibu tunggal tidak akan mencapai objektif jika masih terdapat ibu tunggal yang tidak jelas apa sepatutnya yang perlu mereka lakukan dan organisasi manakah yang perlu mereka rujuk. Ini amat penting kerana rujukan mereka bukan sahaja di Jabatan Agama Islam dan mahkamah Syariah tetapi banyak lagi organisasi yang perlu mereka rujuk terutamanya organisasi-organisasi yang pelbagai jika bercerai mati. Malah organisasi-organisasi untuk bantuan dan sokongan sosial, emosi dan ekonomi mereka dalam melangsungkan kehidupan mereka pasca perceraian tidak diterangkan dengan jelas di Jabatan Agama Islam dan Mahkamah. Ini kerana tumpuan jabatan ini adalah merujuk kepada hak-hak utama secara umum selepas perceraian sahaja.

Oleh yang demikian, pengkaji mendapati, perlu adanya satu kit sebagai rujukan secara menyeluruh yang boleh dituntut oleh ibu tunggal dari hak isteri pasca perceraian sehingga bantuan sokongan selepas selesai menuntut hak-hak utama wanita bercerai. Kit ini disediakan sebagai rujukan awal seperti senarai semak secara menyeluruh yang boleh dirujuk dengan mudah dalam satu Kit. Kit ini dinamakan Kit BanTow iaitu “*bantu anak, tolong wanita*”. Ini kerana perceraian turut melibatkan nasib anak-anak.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Perlembagaan Persekutuan, dalam Senarai II Jadual Ke-9 Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan bahawa undang-undang keluarga Islam termasuk di bawah senarai negeri. Ini bermakna, semua perkara yang berkaitan dengan undang-undang keluarga orang Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri dan semua perkara mengenai undang-undang keluarga Islam bagi orang Islam dikawal oleh Akta dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam berdasarkan setiap negeri. Oleh itu setiap negeri ada undang-undang dan prosedur yang berbeza dalam menangani hal ehwal undang-undang keluarga Islam. Namun jenis hak-hak yang dituntut adalah hampir sama di setiap negeri kerana di Malaysia, Islam adalah agama bagi Persekutuan dan hak-hak wanita Islam dilindungi oleh Akta Undang-undang Keluarga Islam dan Enakmen setiap negeri. Akta dan Enakmen ini adalah gabungan pendapat empat mazhab. Majoriti daripada peruntukan tersebut adalah berdasarkan mazhab Syafie seperti yang diterima pakai oleh orang Melayu Islam. Oleh yang demikian, kajian ini tidak akan menyentuh secara mendalam berkaitan

peruntukan perundangan secara khusus tetapi akan merujuk hak-hak tuntutan yang biasanya akan dituntut dalam kerangka perundangan di Malaysia secara umum. Hak seorang wanita hanya boleh dilindungi oleh undang-undang dan tertakluk kepada syarat bahawa perkahwinannya sah dan didaftarkan. Sememangnya hak-hak yang boleh dituntut oleh wanita adalah bermula dari: 1) sebelum berkahwin / semasa bertunang, 2). Semasa perkahwinan dan 3). Selepas perceraian. Hak bermula dengan kelayakan kepada hadiah yang ditukar dalam pertunangan dan sekiranya berlaku perlanggaran pertunangan, dan diikuti dengan hak semasa perkahwinan iaitu mahar, hadiah perkahwinan dan nafkah. Seterusnya ialah hak apabila bercerai iaitu mahar tertunda, hadiah perkahwinan, tempat tinggal, nafkah semasa tempoh perdamaian, hak penjagaan anak, pemberian saguhati, harta sepencarian dan lain-lain. Kajian ini hanya akan menumpukan kepada hak-hak wanita selepas perceraian sahaja sama ada perceraian hidup atau kematian suami

HAK-HAK ISTERI BOLEH DITUNTUT SELEPAS PERCERAIAN (HIDUP)

i) **Mas kahwin**

Mas kahwin merupakan hadiah perkahwinan sama ada dalam bentuk wang atau benda yang diberikan oleh suami kepada isteri semasa perkahwinan. Undang-undang memperuntukkan bahawa wanita yang sudah berkahwin mungkin mempunyai hak di bawah undang-undang Islam ke atas mas kahwin apabila perkahwinannya dibubarkan. Mahkamah boleh merekodkan nilai dan butir-butir lain mana-mana bahagian mahar atau hadiah perkahwinan atau kedua-duanya yang dijanjikan tetapi tidak dibayar pada masa akad nikah, dan tarikh pembayaran yang dijanjikan.

ii) **Hak Tempat Tinggal**

Wanita yang diceraikan berhak tinggal di rumah yang pernah diduduki semasa dia berkahwin, selagi suami tidak dapat menyediakan tempat tinggal lain yang sesuai untuknya. Hak tempat tinggal yang terhenti apabila tempoh perdamaian telah tamat atau tempoh penjagaan kanak-kanak telah tamat atau wanita itu telah berkahwin semula atau wanita itu telah nusuz.

iii) **Nafkah untuk isteri**

Melalui peruntukan perundangan, Mahkamah boleh memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah kepada bekas isterinya. Dalam menentukan amaun apa-apa nafkah yang perlu dibayar. Hak isteri yang diceraikan untuk menerima nafkah daripada bekas suaminya di bawah mana-mana perintah mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh menunggu iaitu tiga bulan dari penceraian .

iii) **Saguhati atau Mutaah**

Pemberian saguhati atau mutaah sebagai pemberian yang munasabah mengikut undang-undang Islam, diberikan kepada isteri yang diceraikan tanpa sebab yang adil oleh suaminya. Ia boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan hadiah saguhati atau mutaah, kerana dia telah diceraikan tanpa sebab yang adil, dan memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang adil dan hanya mengikut syariat Islam. Tujuan bayaran saguhati adalah untuk meredakan perasaan isteri yang telah diceraikan tanpa sebab yang munasabah dan sebagai menghargai jasa isteri sepanjang perkahwinan.

iv) **Harta sepencarian**

Harta sepencarian adalah harta yang diperoleh secara bersama oleh suami dan isteri semasa dalam tempoh perkahwinan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak dengan syarat Mahkamah boleh memerintahkan pembahagian mana-mana set di antara pihak-pihak dengan cara berikut iaitu:

a) Apa-apa aset yang diperolehi oleh mereka semasa perkahwinan melalui usaha bersama mereka atau penjualan mana-mana aset tersebut dan pembahagian antara pihak hasil jualan.

b) Sebarang aset yang diperolehi semasa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak dalam perkahwinan itu. Mahkamah boleh membahagikan aset atau hasil jualan mengikut kadar yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah setakat sumbangan yang dibuat oleh pihak yang tidak memperoleh aset itu, untuk kebijakan keluarga dengan menjaga rumah atau menjaga keluarga, tetapi dalam apa jua keadaan pihak yang melalui usahanya aset itu diperolehi akan menerima bahagian yang lebih besar. Untuk tujuan

bahagian ini, rujukan kepada aset yang diperoleh semasa perkahwinan termasuk aset yang dimiliki sebelum perkahwinan oleh satu pihak yang telah diperbaiki dengan ketara semasa perkahwinan oleh pihak yang satu lagi atau melalui usaha bersama mereka

v) **Hak penjagaan anak atau Hadhanah**

Ibu adalah daripada orang yang paling berhak untuk menjaga anak-anaknya yang masih bayi semasa tempoh perkahwinan dan juga selepas pembubarannya. Kelayakan orang yang boleh menjalankan tugas sebagai penjaga:

- a) Dia beragama Islam, b) Dia berada pada usia yang melayakkannya untuk memberikan penjagaan, kasih sayang dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu; c) Dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu mungkin tidak mengalami sebarang risiko dari segi moral atau fizikal.

Wanita boleh Hilang kelayakan hak penjagaan wanita antaranya seperti berikut:

- a) dengan perkahwinannya dengan seseorang yang tidak mempunyai pertalian dengan anak dalam darjah yang dilarang jika hak penjagaannya akan menjelaskan kebajikan kanak-kanak itu tetapi hak penjagaannya akan kembali jika perkahwinan itu dibubarkan; b) oleh maksiatnya yang kejam dan terbuka; c) dengan dia menukar tempat tinggalnya supaya menghalang bapa daripada menjalankan pengawasan yang diperlukan ke atas anak itu, kecuali seorang isteri yang diceraikan boleh membawa anaknya sendiri ke tempat kelahirannya; d) oleh kecurangannya terhadap Islam;

Bagi tempoh jagaan ia dinyatakan hak penjaga terhadap penjagaan kanak-kanak tamat apabila kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun, dalam kes lelaki, dan umur sembilan tahun, dalam kes perempuan, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan penjaga, membenarkannya mengekalkan jagaan kanak-kanak itu sehingga mencapai umur sembilan tahun, dalam kes lelaki, dan umur sebelas tahun, dalam kes perempuan. Dalam Islam dan peruntukan undang-undang menegaskan adalah menjadi kewajipan seorang bapa untuk menyara anak-anaknya, sama ada mereka berada dalam jagaannya atau jagaan mana-mana orang lain, sama ada dengan menyediakan tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan kepada mereka, perhatian, dan pendidikan yang munasabah dengan mengambil kira kemampuan dan kedudukannya dalam kehidupan atau dengan membayar kosnya.

vi) **Nafkah anak**

Mahkamah boleh pada bila-bila masa memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah untuk faedah mana-mana anaknya: 1) jika dia enggan atau cuai untuk memberi nafkah yang munasabah untuk anaknya; 2) jika dia telah meninggalkan isteri dan anaknya itu di bawah tanggungjawabnya; 3) semasa menunggu sebarang prosiding perkahwinan; atau 4) apabila membuat atau selepas membuat perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan mana-mana orang lain. Undang-undang juga ada memperuntukkan bahawa nafkah hendaklah tamat apabila kanak-kanak berumur lapan belas tahun, kecuali dalam keadaan tertentu.

vii) **Hutang**

Selepas perceraian, para isteri juga ada hak untuk menuntut hutang yang pernah diberikan kepada suami sepanjang perkahwinan. Namun para isteri dinasihatkan supaya menyenaraikan hutang-hutang tersebut termasuk hutang nafkah sepanjang perkahwinan. Walau bagaimanapun, semua hutang tersebut memerlukan dokumen sokongan untuk memudahkan proses tuntutan daripada suami sama ada di luar atau di dalam Mahkamah.

HAK-HAK ISTERI BOLEH DITUNTUT SELEPAS PERCERAIAN KERANA KEMATIAN

Isteri yang kematian suami perlu tahu beberapa perkara penting iaitu:

Agama Islam menuntut umatnya menyegerakan urusan pewarisan dan adalah amat dituntut oleh agama untuk disegerakan selepas kematian, 3 perkara iaitu (1) urusan jenazah si mati (2) selesaikan hutang si mati dan yang (3) uruskan harta pusaka si mati. Ibu tunggal ini disyorkan untuk segera bertindak ke atas perkara-perkara ini. Hak ibu tunggal yang kematian suaminya mempunyai beberapa perkara tambahan

dan hak yang perlu diambil tindakan berbanding perceraian hidup. Hak-hak tersebut tersebut dibincangkan seperti berikut:

i) Pembahagian faraid

Faraid ialah pembahagian harta pusaka selepas kematian orang Islam yang telah ditetapkan di bawah Hukum Syarak. Pembahagian ini adalah kepada waris yang sah dan layak seperti anak, isteri, suami, ibu, bapa dan lain-lain. Harta yang dibahagikan kepada ahli waris adalah baki harta yang ditinggalkan setelah ditolak semua pembiayaan pengurusan jenazah dan hutang waris sama ada dalam bentuk agama (zakat, nazar dan lain-lain) atau semua hutang kepada manusia dan menunaikan wasiat yang dibenarkan oleh Syariah. Bentuk harta yang boleh dibahagikan faraid antara lain tanah, bangunan (rumah, kilang, gudang dan lain-lain); barang kemas (emas, perak dan lain-lain); insurans, saham, bon, tunai, dan lain-lain (sama ada dilaburkan atau tidak); tanah, taman, ladang dan lain-lain; ternakan dan sebagainya. Oleh itu isteri perlu mengetahui hak yang boleh dituntut dan kadar pembahagian faraid harta pusaka suami kepada isteri. Isteri merupakan salah seorang daripada 25 golongan yang berhak mendapat agihan faraid. Iaitu Isteri: $\frac{1}{4}$ jika si mati (suami) tidak mempunyai anak lelaki atau perempuan atau cucu ke bawah, $\frac{1}{8}$ jika si mati (isteri) mempunyai anak lelaki atau perempuan atau cucu dan ke bawah. Faraid ialah bahagian terakhir selepas seseorang meninggal dunia. Waris perlu memastikan sama ada si mati meninggalkan wasiat. Jika ada, urusan akan menjadi lebih mudah

ii) Wasiat

Wasiat dihadkan kepada $\frac{1}{3}$ daripada jumlah harta tetapi bukan untuk hibah. Walaupun begitu, terdapat beberapa sifat yang sememangnya diwajibkan untuk melakukan faraid. Wasiat mempunyai had tersendiri iaitu tidak melebihi $\frac{1}{3}$ daripada jumlah harta. Manakala $\frac{2}{3}$ harta yang lain mesti dibahagikan dengan waris melalui faraid. Oleh itu, sekiranya suami telah meninggalkan wasiat, isteri perlu tahu bahawa jumlah wasiat tersebut hendaklah ditolak terlebih dahulu dan $\frac{2}{3}$ daripada harta yang tinggal adalah pembahagian faraid.

iii) Hibah

Hibah ialah pemberian kasih sayang semasa hidup (bukan ketika mati). Di mana seseorang memberikan harta kita kepada seseorang yang lain semasa hidup dan orang itu, yang kita berikan masih hidup. Tanpa sebarang bayaran yang perlu dibuat oleh penerima kerana ia adalah 100% hadiah kasih sayang. Contohnya, jika suami semasa hidup memberi rumah kepada isteri sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kerana dapat bersama di kala susah dan senang dan juga dikurniakan zuriat. Dalam aspek kewangan Islam, hibah adalah sesuatu yang mesti diketahui dan diambil manfaatnya. Ia adalah salah satu perkara yang boleh digunakan untuk mengelakkan kekeliruan dan konflik antara waris, terutamanya apabila seseorang itu sudah tiada di dunia ini. Ia juga termasuk dalam bab pengurusan harta pusaka. Ini kerana hibah ini perlu diasingkan terlebih dahulu dari menjadi sebahagian harta faraid.

iv) Takaful

Insurans takaful dan insurans konvensional kedua-duanya memainkan peranan penting dalam kehidupan. Ia bertujuan untuk memberikan perlindungan kewangan kepada pencarum sekiranya berlaku keadaan yang tidak diduga seperti kemalangan, penyakit kritis, kehilangan harta benda atau kematian. Walaupun begitu, terdapat perbezaan antara takaful dan insurans konvensional terutamanya dari aspek konsep, prinsip dan kaedah pelaksanaan di Malaysia. Salah satu kelebihan takaful ialah sebagai alat pengganti pendapatan. Jika berlaku apa-apa, isteri dan waris boleh menerima pampasan kerana kematian. Oleh itu, para isteri perlu peka dalam menguruskan tuntutan takaful ini sekiranya suami meninggal dunia. Ini bermakna, isteri atau waris perlu tahu dan kenal siapa ejen takaful yang menguruskan sijil perlindungan suami bagi memudahkan urusan. Sekiranya suami mempunyai pelan takaful hayat dengan jumlah yang besar, waris dan isteri boleh menggunakan wang tersebut untuk membayar hutang sedia ada. Selepas membayar hutang, bakinya boleh digunakan sebagai wang belanja untuk meneruskan kehidupan. Jika isteri tidak dapat menghubungi ejen takaful, boleh terus ke cawangan atau pejabat syarikat insurans/takaful.

v) PERKESO

PERKESO ialah Pertubuhan Keselamatan Sosial (atau PERKESO: Pertubuhan Keselamatan Sosial) yang ditubuhkan mengikut keperluan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 untuk memberi bantuan tertentu seperti perubatan melalui skim tertentu kepada pencarum. Faedah ini juga boleh dinikmati oleh ahli tanggungan di mana sekiranya berlaku kematian pencarum dalam keadaan tertentu. PERKESO bertujuan memberi perlindungan keselamatan dalam bentuk wang tunai dan faedah lain kepada pekerja di sektor swasta sekiranya berlaku kecemasan, kemalangan, penyakit, kecederaan atau kematian semasa bekerja. Bagi pekerja swasta, caruman PERKESO ini adalah wajib daripada pekerja atau majikan. Jumlah RM2,000 akan dibayar jika pekerja meninggal dunia akibat kemalangan kerja atau semasa menerima Faedah Hilang Upaya Kekal secara berkala. Bayaran faedah akan dibuat kepada waris yang layak. Jumlah bayaran akan dibayar sama ada jumlah perbelanjaan sebenar atau RM2,000 mengikut mana yang lebih rendah berdasarkan resit yang dikemukakan. Oleh itu isteri perlu tahu adakah suami ada mencarum PERKESO dan perlu tahu proses untuk menuntut selepas kematian suami

vi) Tabung Haji

Jika suami ada simpanan Tabung Haji, semakan boleh di buat untuk menentukan sama ada si mati ada penama atau tidak. Jika ada, isteri boleh mengisi Borang Permohonan Pengeluaran Pusaka, manakala jika tiada penama dan deposit melebihi RM1,000, isteri atau waris mesti mendapatkan salah satu daripada surat kuasa berikut; Surat Pembahagian Pusaka mengikut Hukum Faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah; atau Petisyen - Surat Pembahagian Pusaka yang diuruskan oleh Pejabat Tanah/Daerah; atau Pentadbir Harta Pusaka - Memohon Harta Pusaka ditadbir oleh Amanah Raya Berhad atau Pegawai Pentadbir Harta Pusaka; atau Surat Kuasa daripada Mahkamah Tinggi. Borang permohonan hendaklah diisi oleh waris yang telah ditentukan dalam mana-mana satu Surat Kuasa di atas. Namun sekiranya simpanan kurang daripada RM1000 dan tiada Penama/Pemegang Amanah, pemohon atau isteri hendaklah mengisi Borang JP005 dan waris yang lain perlu mengisi Borang JP006 (Borang Akuuan Waris). Banyak perkara yang perlu dilakukan sekiranya tiada penama seperti perlu ke Unit Pembahagian Pusaka dan proses mengambil masa yang lebih lama kerana menunggu giliran.

vii) KWSP

KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) ialah sebuah agensi kerajaan Malaysia yang menguruskan pelan simpanan wajib dan perancangan persaraan untuk pekerja sektor awam dan swasta yang tidak berpencen. Tuntutan wang KWSP biasanya boleh dibuat oleh penama atau warisnya sekiranya pencarum meninggal dunia tertakluk kepada syarat yang dikenakan. Membuat penamaan adalah penting kerana sekiranya berlaku musibah urusan pihak waris akan menjadi lebih mudah. KWSP sedang mengusahakan kaedah menguruskan simpanan ahli supaya mudah diuruskan sekiranya ahli meninggal dunia. Sekiranya suami mencarum akaun KWSP semasa hayatnya, isteri atau waris perlu ke pejabat atau cawangan KWSP yang berhampiran.

Terdapat dua (2) situasi berbeza:

- a). Jika ada penama; bermakna pencarum yang telah meninggal dunia telah menamakan individu untuk mengeluarkan simpanan KWSPnya. Penama boleh pergi ke cawangan KWSP sendiri untuk memohon pengeluaran wang tersebut. Jika isteri adalah penama, isteri boleh terus berurusan dengan pihak KWSP berdekatan.
- b). Jika tiada penama

Terdapat juga beberapa situasi di mana pencarum KWSP tidak menamakan penama, jadi waris terdekat layak memohon. Bagi pencarum yang sudah berkahwin, waris yang layak memohon adalah balu / duda penyumbang, anak-anak kepada pencarum.

viii) Khairat kematian

Secara umumnya, maksud Khairat kematian ialah wang yang dikutip daripada penyumbang yang tinggal di sesuatu kawasan. Khairat kematian biasanya diberikan kepada waris si mati. Tujuan utamanya adalah untuk membantu waris dalam urusan pengebumian. Ini adalah kerana khairat kematian TIDAK

dianggap sebagai harta pusaka, ianya terpulang kepada budi bicara ahli waris. Waris menggunakan wang ini untuk membayar hutang, kenduri tahlil, sedekah atau lain-lain asalkan untuk tujuan yang baik. Oleh itu isteri boleh menuntut khairat kematian ini dari pihak yang menguruskan sebagai contoh dari qariah masjid. Semua kos pengurusan pengebumian menggunakan wang ini. Jika ada waris yang memberikan wang mereka dahulu, ia boleh diganti. Waris atau isteri juga perlu mengambil tahu khairat kematian ini boleh dituntut dari pelbagai agensi selain dari qariah masjid. Antaranya adalah dari Tabung Haji sebanyak RM1,500, PERKESO sebanyak RM2,000, KWSP sebanyak RM2,500 dan lain-lain dengan syarat suami adalah pencarum kepada semua organisasi tersebut. Seterusnya jika suami pembayar ZAKAT, berhak dapat RM3,000 Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bergantung kepada negeri masing-masing. Manakala jika suami adalah penjawat awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi sejumlah RM3000 untuk menguruskan jenazah begitu juga jika suami telah berpencen, Kakitangan Awam juga berhak mendapat RM3,000 sebagai khairat kematian. Malah bank-bank juga ada menyediakan khairat kematian jika suami mempunyai simpanan di bank tersebut contohnya Bank Rakyat sebanyak RM3000, Maybank sebanyak RM1,000 (Akaun Individu sahaja) dan Pemegang Kad Kredit Islam sebanyak RM500 – RM2,000 bergantung kepada kad iaitu Pelan perlindungan takaful percuma dan khairat kematian. Seterusnya jika mempunyai ASNB, sebanyak RM200 – RM2,000 dengan syarat bayaran mengikut baki pelaburan terakhir si mati. Akhir sekali khairat juga disediakan oleh persatuan berdaftar/NGO/koperasi sebanyak antara RM500 – RM 5,000 dengan Syarat: si mati adalah ahli berbayar Persatuan/NGO/Koperasi. Cara-cara untuk menuntut; Bawa sijil kematian, sijil nikah, pengenalan diri, dokumen berkaitan mana-mana agensi seperti polisi takaful dan lain-lain di tempat yang berkenaan. Sebaik-baiknya memohon sebaik sahaja kematian berlaku. Permohonan khairat kematian perlu dituntut segera kerana permohonan khairat kematian mempunyai had masa.

ORGANISASI ATAU JABATAN PENTING YANG BERKAITAN DENGAN TUNTUTAN HAK SELEPAS PERCERAIAN

Isteri yang bercerai, selain perlu tahu hak-hak yang mereka boleh tuntut, mereka juga perlu mengenal pasti organisasi mana yang perlu mereka rujuk untuk menuntut hak mereka. Organisasi-organisasi atau jabatan-jabatan penting berkaitan untuk tuntutan hak-hak selepas perceraian adalah seperti berikut:

i. Jabatan Agama Islam Negeri

Jabatan Agama Islam Negeri menjadi peneraju pengurusan Hal Ehwal Islam Ke Arah Kesejahteraan Ummah Berteraskan Maqasid Syariah. Ia melibatkan urusan seperti: memastikan urusan perkahwinan, perceraian dan ruju' dibuat mengikut Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada masyarakat dalam urusan perkahwinan, perceraian dan ruju' di Wilayah Persekutuan, bertanggungjawab menjalankan penyeliaan dan kawalan terhadap pengeluaran dan pendaftaran sijil nikah, cerai dan ruju', memberi khidmat nasihat serta panduan kepada orang ramai berkaitan persoalan hukum dan prosedur perkahwinan. Bagi permohonan pendaftaran cerai, pemohon hendaklah terlebih dahulu memfaillkan pengesahan lafadz cerai / permohonan bercerai di Mahkamah Syariah. Pendaftaran cerai di JAWI boleh dibuat setelah menerima perintah daftar dari Mahkamah Syariah.

ii. Pesaka kecil, Amanah raya dan Mahkamah

Para isteri yang kematian suami juga perlu tahu, tiga (3) badan ini boleh dirujuk untuk menuntut harta pusaka, faraid dan wasiat di tiga jabatan ini. Setiap jabatan ini mempunyai bidangkuasa yang tersendiri dan berbeza. Tuntutan di Harta Pesaka Kecil ialah melibatkan harta yang ditinggalkan oleh simati dan mempunyai ciri - ciri berikut :-

Simati tidak meninggalkan wasiat dan meninggalkan harta. Harta itu terdiri daripada sama ada Harta Tak Alih (Tanah/Rumah) sahaja, atau ;Harta Tak Alih (Tanah/Rumah) bersama-sama dengan harta alih seperti wang tunai, saham, kenderaan, caruman KWSP/Insuran (tanpa penama), Amanah Saham Nasional (ASN) atau Amanah Saham Berhad (ASB) dan sebagainya. Manakala jumlah nilai keseluruhan harta itu hendaklah tidak melebihi RM2 juta. Ini merujuk kepada pindaan mulai 1

September 2009 pada tarikh permohonan dibuat. Seterusnya jika harta si mati hanya melibatkan harta alih sahaja tanpa harta tak alih, pihak Pesaka Kecil tidak ada bidangkuasa mendengarnya. Ia biasanya dirujuk ke Amanah Raya Berhad (ARB). Manakala jika harta si mati melibatkan wasiat dan melibatkan harta yang melibatkan jumlah yang lebih dari RM2 juta, mahkamah adalah tempat tuntutan pusaka tersebut. Para isteri perlu mengetahui perkhidmatan yang diberikan bagi tujuan menyelesaikan proses tuntutan hak isteri di mahkamah memerlukan kos dan melibatkan peguam. Peguam akan membantu para isteri dari segi menguruskan tuntutan harta sepencarian, hadhanah, mutaah, nafkah idah serta nafkah tertunggak. Bagi isteri yang mempunyai sumber kewangan, mereka boleh mendapatkan khidmat nasihat dari peguam secara terus. Sekiranya para isteri memilih mendapatkan khidmat peguam syarie, yuran guaman yang perlu dibayar biasanya berdasarkan kepada berapa banyak kerja yang telah dibuat bagi pihak ibu tunggal, masa yang diambil, kesukaran kerja yang terlibat serta pengalaman peguam Syarie yang di lantik. Pihak peguam juga akan meminta bayaran cengkeram sebelum memulakan kerja. Perbincangan boleh diadakan antara peguam dan para ibu tunggal secara bebas bagi mengelakkan salah faham. Sebut harga atau Wa'ad secara bertulis boleh diperolehi daripada Peguam Syarie tersebut. Manakala bagi ibu tunggal yang kurang kemampuan, mereka dinasihatkan untuk mendapatkan bantuan peguam dari dua institusi di Malaysia, iaitu Pusat Bantuan Guaman yang dikelola oleh Badan Peguam Malaysia dan juga Jabatan Bantuan Guaman dibawah Jabatan Perdana Menteri. Ibu tunggal perlu melalui proses pengesahan terlebih dahulu untuk menentukan mereka layak mendapatkan bantuan guaman. Kos untuk perceraian dipersetujui bersama (dengan petisyen bersama) pula lebih rendah. Ini bermaksud pasangan tersebut telah bersetuju bersama untuk bercerai, oleh itu prosesnya kurang kompleks dan yuran guaman juga lebih rendah. Malah, jika kedua-dua pihak telah bersetuju mengenai nafkah, harta sepencarian, dan penjagaan anak, para ibu tunggal mungkin tidak perlu hadir ke mahkamah dan boleh menjimatkan ribuan ringgit.

iii. Badan Sokongan Keluarga

Seterusnya para ibu tunggal boleh juga merujuk ke Badan Sokongan Keluarga iaitu tuntutan mereka di badan ini, adalah selepas mendapat perintah dari mahkamah selepas perceraian. Antara peranan utama dalam penubuhan Badan Sokongan Keluarga, ianya terdiri daripada:

- a). Meleraikan Konflik dihadapi wanita serta ibu tunggal yang berdepan masalah mendapatkan nafkah seperti diperintahkan mahkamah.
- b). Melaksanakan penguatkuasaan ke atas perintah mahkamah khususnya dalam kes nafkah dan saraan.
- c). Menyalurkan bantuan kewangan sara hidup sementara melalui sumber dana kewangan yang diharuskan hukum syarak kepada keluarga yang menghadapi masalah tuntutan nafkah.
- d). Membetulkan salah faham terhadap kelewatan membabitkan masalah mematuhi perintah mahkamah seperti pembayaran nafkah dan hak penjagaan anak.

Antara kebaikan lain dari Badan Sokongan Keluarga ini, para ibu tunggal tidak perlu membayar yuran guaman atau khidmat yang diberikan oleh Pegawai yang menguruskan tuntutan-tuntutan yang dipohon berbanding jika ibu tunggal memohon melalui khidmat peguam dari firma guaman.

ORGANISASI ATAU JABATAN BERKAITAN PEMULIHAN, KESEJAHTERAAN DAN KELANGSUNGAN HIDUP PASCA PERCERAIAN.

Para ibu tunggal ini juga perlu mengetahui apakah organisasi-organisasi yang boleh mereka rujuk untuk membantu dan menyokong kehidupan mereka seterusnya selepas melalui proses perceraian. Ini amat penting kerana terdapat ibu tunggal yang buntu mencari jalan keluar selepas ketidaaan suami yang dahulunya menyediakan nafkah, bantuan kewangan, sokongan moral dan membantu melaksanakan tanggungjawab rumah tangga bersama-sama. Oleh itu bagi memastikan para ibu tunggal kekal mempunyai motivasi yang tinggi dalam mendepani cabaran serta tribulasi proses selepas penceraian, pelbagai institusi diberikan tanggungjawab untuk memelihara kebijakan ibu tunggal ini. Tidak diragui, emosi ibu tunggal ini perlu diberi perhatian dan sumber pendapatan mereka juga perlu dibantu. Merujuk kepada bantuan sokongan emosi, ibu tunggal boleh berurusan dengan jabatan-jabatan berikut:

1) Pejabat Kaunselor berkaitan:

- i) **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)** telah menyediakan satu platform bagi kaunseling perkahwinan iaitu Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) bagi negeri Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Kedah dan Perlis. Runding cara online ini bertujuan memberikan kemudahan kepada individu atau pasangan yang ingin mendapatkan khidmat nasihat kekeluargaan secara online. Pemohon juga boleh mendapatkan temujanji sesi runding cara secara bersemuka dengan pegawai rundingcara di Jabatan Agama Islam Negeri, Pejabat Agama Islam Daerah.
- ii) **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)** melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melancarkan talian khas *Helpline FamilyCare@LPPKN*, bagi membantu isu kekeluargaan, pasangan dan perkahwinan. Talian bebas tol *Helpline FamilyCare@LPPKN* adalah perkhidmatan kaunseling perkahwinan dan keluarga oleh kaunselor berdaftar yang diwujudkan LPPKN bagi menangani isu kekeluargaan, pasangan dan perkahwinan secara tele-kaunseling (panggilan telefon) dan bersemuka secara maya (e-kaunseling). Talian *Helpline FamilyCare* membolehkan masalah dikongsikan secara profesional serta membimbing pelanggan dalam mengambil keputusan selanjutnya.
- iii) **Jabatan Pembangunan wanita dibawah bahagian pembangunan psikologi** juga menawarkan perkhidmatan secara percuma kepada semua. Bentuk kaunseling yang ditawarkan adalah seperti berikut: Bimbungan (individu, kelompok, kerjaya, keluarga, perkahwinan dan lain-lain), Kaunseling Individu dan Kaunseling Kerjaya. Selain daripada Kaunseling, perkhidmatan pengendalian Ujian Psikologi juga boleh dibuat. Antara ujian yang sedia ada ialah seperti: Ujian Stress diadakan. Segala maklumat pelanggan adalah dirahsiakan mengikut Kod Etika Kaunselor dan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Kaunselor yang terlibat merupakan kaunselor berdaftar.

Sesi intervensi yang telah dijalankan bersama kaunselor membolehkan wanita pasca perceraian meluahkan emosi marah dan sedih yang telah dipendam sepanjang perkahwinan sehingga kehidupan pasca perceraian. Menurut Nur Azmina dan Mohamad Hashim Othman (2021), hasil analisis menunjukkan intervensi yang dijalankan memfokuskan pembentukan kepercayaan, dan penstrukturkan semula pemikiran yang baharu memandangkan pemikiran mempengaruhi tingkah laku seseorang individu. Intervensi kaunseling adalah rawatan psikoterapi yang membantu individu untuk mempelajari cara-cara dalam mengenal pasti dan mengubah corak gangguan pemikiran yang mempunyai pengaruh negatif terhadap tingkah laku dan emosi.

iv) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Senarai bantuan yang ada di JKM untuk ibu tunggal adalah dalam bentuk bantuan bulanan sebagai bantuan Am dan juga bantuan Penyaraan Kanak-kanak. Peranan JKM adalah seperti berikut:

- a) Membantu keluarga/ penjaga kepada anak/ kanak-kanak atau membantu anak/ kanak-kanak yang tiada/kehilangan penjaga supaya dapat terus tinggal bersama keluarga dan meneruskan kelangsungan hidup tanpa menjelaskan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak mengikut peringkatnya.
- b) Membantu memelihara dan memperkuatkhan institusi keluarga yang terlibat dalam memberi jagaan sempurna kepada kanak-kanak termasuk kasih sayang dan perhatian.

2) Agensi Sokongan Keluarga

Program sokongan keluarga adalah peringkat pertama penjagaan untuk menghalang kanak-kanak memasuki penjagaan institusi. Pelbagai perkhidmatan seperti bantuan kewangan dan campur tangan psikososial disediakan kepada keluarga dalam situasi krisis untuk cuba mengelakkan kanak-kanak dipisahkan daripada keluarganya. Jabatan Kebajikan Masyarakat menjalankan program untuk membantu keluarga memperbaiki keadaan sosioekonomi mereka dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Program ini adalah dua kali ganda:

a) bantuan kewangan terus dan sokongan psikososial kepada keluarga miskin dan anak-anak mereka; dan

b) perkhidmatan pencegahan berdasarkan komuniti yang diberikan kepada kanak-kanak berisiko dan keluarga mereka melalui pusat aktiviti kanak-kanak yang diawasi oleh pasukan perlindungan kanak-kanak.

Perkhidmatan ini diberi mandat untuk ditubuhkan di seluruh Malaysia di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, yang memerlukan kumpulan orang membentuk pasukan perlindungan untuk menyelaraskan perkhidmatan berdasarkan tempatan kepada keluarga dan kanak-kanak, jika kanak-kanak, disyaki memerlukan perlindungan. Program bantuan ini diwujudkan bagi membantu keluarga miskin, ibu bapa tunggal dan saudara mara yang menjaga anak atau saudara mereka sendiri. Ujian bermakna menilai keperluan kewangan manakala keupayaan ibu bapa atau saudara mara untuk menyediakan penjagaan dan persekitaran yang selamat dinilai, dengan geran tersedia sehingga 30 bulan. Perkhidmatan lain termasuk perkhidmatan kaunseling dan intervensi krisis, perkhidmatan sokongan pendidikan, aktiviti perkembangan kanak-kanak, seminar/bengkel/kuliah mengenai keibubapaan dan topik berorientasikan keluarga lain, serta kem motivasi untuk kanak-kanak dan remaja (Laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Psikologi dan Kaunseling).

3) Badan Berkaitan Sokongan Ekonomi

Seterusnya ibu tunggal ini juga memerlukan khidmat sokongan ekonomi untuk meneruskan kehidupannya dan anak-anak. Di Malaysia, kita mempunyai beberapa organisasi yang memainkan peranan besar di dalam memperkuuhkan jati diri dan juga survival ibu tunggal. Antara agensi yang boleh mereka rujuk adalah seperti berikut:

- a) Yayasan Tekun Nasional (TEKUN) bagi mendapatkan bantuan pinjaman perniagaan.
- b) Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi mendapatkan bantuan pinjaman perniagaan.
- c) Bantuan Zakat bagi mendapatkan bantuan berkaitan ibu tunggal.
- d) Public Service Commission (spa9i) dan *Indeed Job application* secara online dan ada pelbagai lagi sebagai rujukan untuk memohon pekerjaan.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Artikel ini bersifat kualitatif. Selain merujuk kepada Al Quran dan As Sunnah, rujukan juga akan dibuat kepada Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. Akta dan Enakmen Undang-undang digubal untuk melindungi hak wanita bersama-sama kanak-kanak selaras dengan syariat. Kajian ini juga memfokuskan kepada proses pengumpulan data dalam bentuk teori/fakta dan amali sebagai satu kumpulan maklumat yang akan dianalisis untuk mencapai objektif yang digariskan.

1. Kaedah Pengumpulan Data

- i) Kaedah Penyelidikan Perpustakaan, ii) Kaedah Temubual,

2. Analisis Data

- i) Kaedah Induktif, ii) Kaedah Analisis Teks

Kajian ini menggunakan temubual separa berstruktur untuk mengumpul data. Kajian ini responden diberikan beberapa soalan selidik dan temubual separa berstruktur kepada ahli komuniti menggunakan pendekatan persampelan yang mudah dan temu bual separa berstruktur telah diterima pakai untuk mendapatkan maklumat dari ibu tunggal dan pendapat pakar dalam bidang tertentu. Ibu tunggal yang ditemubual seramai 10 orang dari negeri Melaka dan dari Kawasan desa dan bandar. Manakala pakar adalah peguam syarie, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pengarah dari Pejabat Pembangunan Wanita dan terdapat banyak data sekunder dan primer seperti dokumen, surat, pegawai arkib dan kaji selidik di jabatan berkaitan.

CADANGAN KERANGKA KIT BANTOW



Rajah 1: Kerangka Kit Bantow

Kerangka ini akan diperluaskan dengan lebih terperinci di masa kan datang sebagai rujukan “satu dalam semua dan semua dalam satu”.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dari kajian literatur yang dibincangkan di atas, penyelidik mendapati tuntutan-tuntutan yang boleh dibuat oleh ibu tunggal yang bercerai sama ada cerai hidup atau mati, melibatkan tuntutan dan organisasi yang pelbagai. Malah semua tuntutan-tuntutan ini turut melibatkan proses yang tidak mudah dan juga pelbagai. Keadaan-keadaan ini sudah tentu menyukarkan ibu tunggal berhadapan dengan tuntutan-tuntutan yang hendak diuruskan pasca perceraian dalam keadaan yang masih berduakacita. Kefahaman berhubung hak dan undang-undang tersebut merupakan satu keperluan khususnya para wanita kerana tanpa mengetahuinya, hak seseorang itu mudah di ketepikan. Kebanyakan kes yang melibatkan kaum wanita seperti perkahwinan, perceraian dan penganiayaan adalah berpunca daripada kurangnya kesedaran tentang hak sebenar mereka. Perkara ini dijelaskan oleh Dr. Zaleha Kamaruddin, bahawa statistik menunjukkan kebanyakannya tuntutan hak dan kes melibatkan jenayah terhadap kaum wanita tidak dilaporkan kerana sikap malu yang keterlaluan serta ramai wanita yang masih samar-samar di antara hak mereka dan organisasi berkaitan yang boleh dirujuk (didalam artikel Nurhidayah Muham Hashim, Berita Harian Online, 2010).

Manakala dari temubual separa berstruktur kepada ibu tunggal dalam kalangan mereka dari luar bandar dan berpendidikan setakat SPM, didapati ramai ibu tunggal tidak tahu sepenuhnya hak-hak yang mereka boleh tuntut apatah lagi pelbagai organisasi yang perlu dirujuk. Malah dari kalangan ibu tunggal yang ditemubual dibandar, mereka lebih jelas hak-hak yang boleh dituntut selepas perceraian namun turut memperakui, agak keliru dan terhad pengetahuan berkenaan organisasi yang boleh dirujuk dalam perceraian kerana kematian. Cabaran dan situasi oleh para ibu tunggal ini turut dikongsikan oleh responden sebagai pakar dalam kajian ini iaitu dari pihak peguam (Jamilah Ahmad, peguam dari Firma Jamilah Co, yang berpengalaman lebih dari 15 tahun dan merupakan panel peguam JBG dan ahli persatuan Peguam Syariah). Selain itu dari Mohamad Isyamry Ramli, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Produktif Kebajikan dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka, Nurul Huda Kamarul Zahari, Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Melaka, dan Nor Azman Mohd Nor, Pengarah Pejabat LPPKN Melaka, turut menyatakan nada yang sama tentang keperluan Kit yang boleh dijadikan senarai semak sebagai rujukan menyeluruh dalam satu rujukan untuk mengambil langkah awal menuntut hak-hak mereka dan mengetahui pelbagai organisasi-organisasi yang perlu mereka rujuk serta pelbagai organisasi sokongan seperti sokongan sosial, emosi dan ekonomi yang semakin bertambah. Para responden mengakui kesukaran dan cabaran ibu tunggal dalam usaha menuntut hak-hak mereka selepas perceraian. Mereka turut menyatakan bahawa tidak ramai ibu tunggal mengetahui khidmat dan bantuan yang disediakan di jabatan-jabatan yang menyalurkan bantuan kepada ibu-ibu tunggal sekalipun usaha menyebarkan maklumat giat dilaksanakan oleh media dan agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan. Pandangan mereka ini berdasarkan keluhan ibu tunggal yang

menemui agensi-agensi ini dan didalam bengkel-bengkel yang mereka laksanakan. Mereka turut memperakui sekalipun terdapat banyak program kesedaran yang dianjurkan dan pendedahan maklumat mula disebarluaskan melalui agensi-agensi berkaitan seperti khidmat pelanggan mahkamah shariah, Badan Sokongan Keluarga, Jabatan bantuan guaman berkenaan hak-hak yang boleh dituntut namun tidak ada satu garis panduan dan senarai semak secara menyeluruh disediakan sebagai rujukan ibu tunggal dengan cara yang mudah disampaikan. Ini terutamanya berkaitan pelbagai organisasi terhadap tuntutan selepas perceraian kerana kematian; Sebagai contoh, mereka bukan sahaja perlu ke mahkamah Syariah, tetapi Pejabat Pesaka Kecil, Amanah raya, Takaful, bank, Perkeso dan pelbagai tuntutan khairat kematian dari pelbagai agensi. Apatah lagi berkaitan organisasi-organisasi sokongan sosial, emosi dan ekonomi yang juga pelbagai. Mereka turut berpendapat bahawa amat perlu diwujudkan satu garis panduan yang menyeluruh sebagai pemudah cara dan sebagai senarai semak yang jelas kepada para ibu tunggal agar kekeliruan dapat diatasi dan para ibu tunggal boleh mengambil langkah segera tanpa menunggu masa yang lama mencari-cari organisasi mana yang perlu dituju dan tertanya-tanya apakah hak-hak yang mereka boleh tuntut. Bertitik tolak dari daptan tersebut, pengkaji telah mengambil inisiatif mencipta kit untuk rujukan ibu tunggal sebagai panduan untuk mereka menuntut hak-hak mereka dan rujukan organisasi-organisasi bantuan sokongan sosial, ekonomi dan emosi dalam melangsungkan kehidupan. Kit ini disertakan hak-hak yang boleh dituntut dan juga organisasi-organisasi yang boleh mereka rujuk dalam proses menuntut hak mereka. Kit ini disertakan dengan QR Kod jabatan-jabatan atau organisasi-organisasi berkaitan. Kit ini dinamakan sebagai KIT-BanTow yang bermaksud “*bantu anak tolong wanita*”. Oleh itu, kit ini disediakan bagi membantu ibu tunggal sebagai rujukan sebagai langkah awal untuk bertindak. Kit ini juga menyediakan senarai semak tindakan serta laman web, QR kod badan atau jabatan yang boleh dirujuk. KIT-BanTow dibangunkan atas dasar untuk menyediakan platform rujukan yang mudah dan jelas serta menyeluruh kepada ibu tunggal yang ingin mendapatkan pengetahuan, panduan serta bimbingan sebagai rujukan untuk membantu para wanita pasca perceraian.

Kelebihan kit ini juga adalah selari dengan masalah yang sedang dihadapi para ibu tunggal. Ia disediakan dalam bentuk digital dan helaian pamphlet yang kreatif yang mudah dibawa ke mana-mana serta mengambil konsep menggabungkan elemen e-kit, tulisan, lukisan, imbasan QR kod, penggunaan digital dan senarai semak panduan secara kreatif dan menarik. Ia mudah difahami serta menjadi satu identiti yang menghubungkan ibu tunggal dengan badan-badan yang berkaitan dengan kaedah QR Kod, laman web seiring dengan teknologi semasa tanpa perlu merujuk kepada pelbagai pihak dan kerana kit ini boleh terus mengetahui organisasi mana yang patut dirujuk. Seterusnya Kit ini menjadi satu usaha tanggungjawab sosial korporat para pengkaji bagi membantu para ibu tunggal. Ia telah mendapat perhatian, sokongan serta sambutan dari Pejabat Pembangunan Wanita, Peguam Syariah serta Jabatan Kebajikan Masyarakat, Negeri Melaka dalam menghasilkan kit ini kerana fungsi utama kit ini dilihat sebagai usaha memberi pendedahan, panduan, bimbingan sebagai langkah awal yang perlu dilakukan dalam tindakan menuntut hak-hak dan menguruskan kehidupan pasca perceraian dengan lebih jelas dan menyeluruh. Seterusnya memudahkan ibu-ibu tunggal merujuk kit ini sebagai garis panduan dan senarai semak dalam mengatur langkah awal selepas perceraian. Kit ini akan ditambah baik dari masa ke semasa mengikut peredaran masa dan tuntutan-tuntutan baru yang relevan untuk dituntut sebagai langkah keprihatinan kepada kesejahteraan hidup ibu tunggal dan masa depan anak-anak yang lebih baik.

KESIMPULAN

Sememangnya para ibu tunggal perlu dibantu dan disediakan satu alat sebagai pemudahcara untuk mereka mengetahui hak-hak yang mereka berhak tuntut dan semestinya juga perlu tahu pelbagai organisasi atau jabatan manakah yang harus mereka rujuk dalam menyelesaikan tuntutan mereka. Seperti yang dinyatakan di atas, tuntutan yang berhak dituntut dan organisasi-organisasi yang berkaitan adalah pelbagai. Isteri yang cerai hidup, perlu mengambil tahu hak-hak mereka dan memastikan dokumen-dokumen berkaitan juga hendaklah disimpan dengan baik untuk kegunaan dalam proses tuntutan. Manakala perceraian kerana kematian juga isteri perlu peka di mana buku akaun bank, akaun tabung haji, apa-apa sijil saham, sijil takaful yang ada pada arwah dan dokumen berkaitan untuk selanjutnya. Tindakan ini penting untuk kelangsungan hidup bersama anak-anak. Malah, penting juga untuk para isteri mengetahui sama ada suami mempunyai hutang yang perlu diselesaikan terlebih dahulu

sebelum memulakan sebarang tuntutan lain. Turut penting untuk mengetahui organisasi atau jabatan penting yang perlu dirujuk oleh para isteri dalam menyelesaikan segala tuntutan. Perancangan pusaka tidak semestinya perlu membuat wasiat. Perancangan pusaka juga bukan sekadar melanggan hibah takaful. Ia lebih daripada itu. Adalah baik, semasa hidup, suami isteri perlu berbincang setiap akaun simpanan atau hutang yang dimiliki dan merancang harta sepencarian, merancang perlindungan pendapatan, merancang penama KWSP, merancang geran harta tanah, berbincang dan merancang mengenai penama takaful dan penama amanah saham. Semua tindakan ini adalah perlu untuk persediaan di hari kemudian yang kita tidak pasti apa ketentuanNYA. Sebagai rumusan, KIT-BanTow merupakan satu kit inovasi yang dicipta bagi menyelesaikan cabaran oleh ibu tunggal dalam mengatur langkah awal untuk membuat tuntutan pasca perceraian. Ia boleh dijadikan sebagai panduan atau bimbingan sebagai rujukan menyeluruh untuk membantu para wanita pasca penceraian hidup atau mati. Ia umpama senarai semak serta sebagai identiti yang menghubungkan ibu tunggal dengan jabatan-jabatan berkaitan.

RUJUKAN

- Ahmad, S. Y., Zakaria, N. F., Mohd Ismath, N. H., Mokhtar, N. Z. N., & Johari, A. (2021). *Ibu Tunggal Realiti & Cabaran*, Syfe Management Sdn Bhd, Ayer Keroh Melaka. ISBN 978-967-2496-87-8.
- Ibrahim, A., Mat Min, R., & Mohamad, Z. (2019). Kesedihan Wanita Kematian Suami. *Journal of Business and Social Development*, Vol 7, No 1, March 2019, 20-39.
- M. Hashim, N. (2015). Rights of A Muslim Woman before and During Marriage, and Upon Divorce as Conferred by the Islamic Family Law (Federal Territories Act) 1984, 7th International and Conference on Humanities and Social Sciences, ASEAN 2015: Challenges and Opportunities, Proceedings, 582-593.
- M. Serji, R., Mohamad, M., Mohd Hussein, S., & Mohd Nor, M.Z. (2021), Harta Sepencarian: Isu dan Konflik Perundungan dalam Tuntutan Selepas Kematian dari Perspektif Undang-Undang Tanah di Malaysia. *Islāmiyyāt: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam, International Journal of Islamic Studies*, 43 (Isu Khas), 43 – 53. <https://ejournal.ukm.my/islamiyyat/issue/view/1398>.
- M. Hashim, N. (2010). “Cetek Pengetahuan Punca Wanita Tak Pertahan Hak”. Berita Harian Online, 12 Oktober 2010.
- Paslan, N.A., & Othman, M. H. (2021). Keberkesanan Intervensi Kaunseling Terhadap Penyesuaian Diri Wanita Pasca Perceraian. *International Journal of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*, Volume 6 Issue 44 (December 2021), 232-243. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.644018>
- Sabri, M. F., & Hashim. A. H.(2020), *Realiti & Cabaran : Ketua Isi Rumah Ibu Tunggal di Malaysia*, UPM.
- Zakaria, S. M., Shafurdin, N. S., Md. Akhir, N., Mohd Hoesni, S., & Manap, J. (2019). Cabaran Hidup Ibu Tunggal: Kesan Terhadap Kesejahteraan Emosi, *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, Volume: 4 Issues: 2 4 March , 2019, 69-84, <https://www.ijepc.com>

SENARAI STATUT

Perlembagaan Persekutuan, Dalam Senarai II Jadual Ke-9

Undang-undang Keluarga Islam, (Akta Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) 1984

KERATAN AKHBAR

Nor Idayu Bosro, Lebih Ramai Wanita Tahu Hak Tuntut Cerai, KOSMO 3/12/2020

Nurhidayah Muhd Hashim, “Cetek Pengetahuan Punca Wanita Tak Pertahan Hak”. Berita Harian Online, 12 Oktober 2010

RUJUKAN LAMAN WEB

Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2020

<https://www.statistics.gov.my> ›

Kaunseling Perkahwinan dan Keluarga

(<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/28864?language=my>)

<https://www.ikim.gov.my/index.php/2000/01/01/ibu-tunggal-semua-pihak-perlu-lebih-bertanggungjawab/> Hajah Siti Fatimah binti Abdul Rahman

Laporan PERKESO (<https://www.perkeso.gov.my/>)

Penutupan Akaun Tabung Haji (<https://www.tabunghaji.gov.my/ms/simpanan/maklumat-am/penutupan-akaun>)

Laporan KWSP ((<https://www.kwsp.gov.my/ms/member/withdrawals/full/death>)

Psikologi dan Kaunseling

(<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full&id=UVNERloyOFVxNG9QR0xRaC9hRIB4UT09>)

Skim Khairat Kematian Bantuan Sara Hidup Rakyat-

(<https://malaysia.gov.my/portal/content/27768?language=my>)

Prosedur Permohonan Pusaka Kecil

(<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30333?language=my>)

Mengurus Institusi Keluarga

(<https://www.malaysia.gov.my/portal/subcategory/186?language=my>)

Melantik peguam Syarie

(<https://peguamsyariemalaysia.blogspot.com/p/melantik-peguam.html>)

(<https://www.comparehero.my/money-tips/articles/berapa-kos-bercerai>)

(<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/877170/talian-bebas-helpline-familycare-bantu-masalah-rumah-tangga>)

Senarai Temubual

Jamilah Ahmad, peguam dari Firma Jamilah.Co., secara atas talian Google Meet pada 30 Ogos 2022

Mohamad Isyamry Ramli, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Produktif Kebajikan dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka, pada 5 September 2022 di pejabat JKM Negeri Melaka.

Nurul Huda Kamarul Zahari, Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita,pada 5 September 2022

Nor Azman Mohd Nor, Pengarah Pejabat LPPKN) pada 5 September 2022 di pejabat LPPKN Negeri Melaka.

Ibu tunggal di sekitar Alor Gajah dan bandar Melaka yang namanya dirahsiakan.